

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PENGERUSI KOPSYA**

**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN
KALI KE-10 (2024) KOPSYA**

**25 MEI 2024 (SABTU)
9.30 PAGI
AUDITORIUM, ANGKASA**

Terima kasih saudara/saudari Pengacara
Majlis,

SALUTASI

Assalamualaikum WBT,
Salam Madani, Salam Perpaduan dan Salam
Koperasi

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH
S.W.T kerana dengan limpah kurnia serta

izinNya dapat kita bersama-sama berada di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-10 KOPSYA pada hari ini.

2.Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan atas komitmen dan sokongan para perwakilan untuk menghadiri mesyuarat pada pagi ini. Mesyuarat agung adalah pentas di mana semua pihak termasuklah Ahli Lembaga, Pengurusan dan anggotanya untuk

merencana dan menentukan hala tuju KOPSYA pada masa akan datang.

Para Hadirin Sekalian,

- 3.**Setinggi- tinggi kesyukuran juga dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya KOPSYA yang telah ditubuhkan 13 tahun yang lalu, pelbagai cabaran dan halangan yang ditempuhi namun KOPSYA masih tetap teguh mengorak langkah dan

berjaya dengan cemerlang sehingga kini. Alhamdulillah KOPSYA masih kekal komited melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merealisasikan Visi dan Misi. ***Untuk makluman para perwakilan, KOPSYA telah menambahbaik Visi dan Misi selepas lebih 13 tahun beroperasi untuk lebih jelas menerangkan arah tuju, strategi dan aktiviti-aktiviti utama KOPSYA.***

4. Objektif utama kita sudah tentu ingin sentiasa menyumbang manfaat kepada Koperasi Anggota dengan menyediakan perkhidmatan kewangan Islam ke arah mempelbagaikan pendanaan sumber modal perniagaan gerakan koperasi. KOPSYA sentiasa bersedia membantu memacu kompetensi koperasi melalui kepelbagaian aktivitinya dalam menjana pertumbuhan dan pengukuhan sosio ekonomi koperasi anggotanya.

Para Hadirin Sekalian,

5. Saya amat menghargai sumbangan semua pihak termasuk Anggota Lembaga, Jawatankuasa dan warga kerja dalam memastikan segala perancangan diimplementasikan dengan penuh tanggungjawab. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang terus memberi sokongan padu kepada

KOPSYA untuk terus bergerak maju dalam landskap ekonomi negara.

Para Hadirin Sekalian,

- 6. Sehingga April 2024, keanggotaan KOPSYA adalah sebanyak 1,627 buah koperasi dengan jumlah pegangan syer terkumpul sebanyak RM63,123,222.46. Bagi prestasi kewangan, pada keseluruhannya untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, KOPSYA telah***

mencatatkan keuntungan bersih kumpulan sebanyak RM5,419,107.

7. Pada tahun 2023, KOPSYA telah mengadakan program di setiap negeri dengan kerjasama Jawatankusa ANGKASA Negeri (JKAN) untuk menggalakkan Koperasi-Koperasi mendapat maklumat secara menyeluruh berkenaan KOPSYA dan seterusnya mempromosi keanggotaan KOPSYA.

8. KOPSYA menyeru Koperasi Anggota supaya menambah syer dan menyarankan untuk mempromosikan KOPSYA kepada koperasi-koperasi untuk menjadi anggota agar KOPSYA dapat berkembang dengan lebih pesat pada masa akan datang.

9. ***Pembiayaan merupakan perniagaan teras KOPSYA. Sehingga kini, KOPSYA telah meluluskan pembiayaan dengan jumlah sebanyak RM1,093,000,000.00 dan telah***

membuat pengeluaran sebanyak RM715,539,571 setakat 20 Mei 2024. Pihak ALK bersama pengurusan terus berusaha mengadakan perbincangan dengan Institusi kewangan bagi meluaskan sumber pendanaan.

10. Untuk memastikan pendanaan KOPSYA kepada koperasi terutamanya koperasi kredit dapat dibuat secara berterusan, **KOPSYA telah membuat keputusan untuk menerbitkan sukuk**

berjumlah RM2.0 billion. Untuk Tranche Pertama, sebanyak RM100 Juta sukuk yang dijangka akan diterbitkan pada tahun 2024.

11. Penerbitan sukuk bukan sesuatu perkara yang mudah disebabkan ianya tidak pernah berlaku dalam sejarah koperasi di Malaysia. Malahan KOPSYA telah membuat pembentangan kepada SKM pada 22 Ogos 2023 dan 3 Januari 2024 dan pembentangan kepada Menteri Pembangunan

Keusahawanan dan Koperasi (KUSKOP) Ybhg Datuk Ewon Benedict pada 21 November 2023 untuk menerangkan mengenai penerbitan sukuk yang akan dijalankan di mana pihak SKM juga amat menyokong usaha yang dijalankan oleh KOPSYA. KOPSYA akan menjadi koperasi pertama yang menerbitkan sukuk dan akan bekerjasama dengan koperasi-koperasi kredit. Koperasi Kredit yang menjadi Koperasi Anggota KOPSYA akan menjadi koperasi

perintis / pertama yang akan bekerjasama dalam usaha menerbitkan sukuk.

12. KOPSYA juga secara agresif berusaha meningkatkan jumlah keanggotaannya. Ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan jumlah modal syer agar KOPSYA dapat bergerak dengan lebih pantas dan menyediakan lebih banyak sumber modal untuk menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam kepada anggotanya.

Para Hadirin Sekalian,

13. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kepercayaan anggota meletakkan pelaburan dengan KOPSYA. **Melalui produk pelaburan yang ada, jumlah pelaburan daripada Koperasi Anggota adalah berjumlah RM32.0 juta. Sukacita saya maklumkan bahawa sebentar lagi KOPSYA akan melancarkan satu produk pelaburan Khas yang akan memberikan pulangan kadar keuntungan**

yang lebih tinggi berbanding dengan pelaburan biasa.

14. Kami berharap semoga terus mendapat skongan dari Koperasi Anggota dengan meletakkan pelaburan agar KOPSYA dapat bergerak dan membantu lebih banyak koperasi melalui dana dalaman.

Para Hadirin Sekalian

15. ***Untuk makluman para perwakilan, pada tahun 2023, KOPSYA telah berjaya menduduki tempat ke 21 dalam 100 koperasi terbaik di Malaysia.*** Ini merupakan satu pengiktirafan kepada KOPSYA dan satu pencapaian yang amat membanggakan bagi Koperasi yang usianya baru 13 tahun. Insyaallah dengan sokongan dari Koperasi Anggota, KOPSYA akan cuba untuk meningkatkan kedudukan dan berusaha untuk mencapai di dalam kategori 20 Koperasi terbaik di Malaysia.

16. ***KOPSYA juga telah diiktiraf oleh SIRIM dan berjaya mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2015 pada 29 Disember 2023, di mana gerak kerja bagi mendapatkan pensijilan ini dapat dilaksanakan dalam tempoh kurang dari setahun. Ia adalah satu percapaian yang amat membanggakan,***

17. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan ANGKASA yang sentiasa

memberi sokongan, kerjasama dan bimbingan kepada KOPSYA bagi melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

18. Sekalung penghargaan juga kepada koperasi Anggota, Anggota Lembaga, Jawatankuasa², Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah dan warga kerja yang telah memberi kerjasama, sumbangan dan sokongan pada KOPSYA pada mesyuarat pada hari ini.

19. Saya yakin usaha murni yang dijalankan oleh KOPSYA membantu memajukan koperasi anggota yang telah banyak menyumbang manfaat kepada masyarakat akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada ALLAH S.W.T., Tuhan Yang Maha Esa.

20. Akhir kata, saya menyeru sokongan berterusan para koperasi anggota demi kejayaan kita semua. ***Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir***

***Rahim, saya merasmikan Mesyuarat Agung
Perwakilan Tahunan kali ke-10 KOPSYA.***

Sekian, Wabillahi Taufik Wahidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakaatuh.